

# PANDUAN PENGURUSAN PENILAIAN KEFAHAMAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

---

## 1. PENDAHULUAN

Panduan Pengurusan Penilaian Kefahaman Program Transformasi Minda bertujuan untuk menjelaskan tatacara pengurusan penilaian kefahaman khususnya pengurusan soalan yang dibekalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada agensi pelaksana Program Transformasi Minda (PTM).

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Penilaian kefahaman merupakan satu daripada kriteria penilaian utama yang digunakan sebagai kaedah penilaian sepanjang program dalam PTM. Ia mewakili dua puluh peratus (20%) daripada markah keseluruhan penilaian.

2.2 Tujuan penilaian kefahaman adalah untuk menguji keupayaan peserta dalam:

- a. menjawab soalan dengan tepat dan betul;
- b. memahami modul yang telah dipelajari; dan
- c. menguasai pengetahuan asas segmen-segmen yang telah dipelajari.

2.3 Soalan penilaian kefahaman adalah sebanyak 20 soalan berbentuk aneka pilihan.

2.4 Pemarkahan untuk penilaian kefahaman dibuat mengikut pencapaian markah seperti berikut:

| PENCAPAIAN | MARKAH  |
|------------|---------|
| A          | 11 - 20 |
| B          | 0 - 10  |

### 3. DOKUMEN YANG DIBEKALKAN BAGI PELAKSANAAN PENILAIAN KEFAHAMAN

- 3.1 Dokumen-dokumen yang dibekalkan bagi melaksanakan penilaian kefahaman adalah seperti berikut:
- a. Satu (1) set 50 **Soalan Umum** sebagai panduan penilaian kefahaman.
  - b. Tiga (3) set **Soalan Sebenar** Penilaian Kefahaman yang terdiri daripada 20 soalan aneka pilihan bagi setiap set.
  - c. **Skema jawapan** bagi ketiga-tiga set **Soalan Sebenar** Penilaian Kefahaman sebagai rujukan kepada pemeriksa.
  - d. Satu (1) set 60 **Soalan Bank** Penilaian Kefahaman berbentuk **aneka pilihan** yang lengkap dengan pilihan jawapan berserta jawapan yang betul.

### 4. PENGURUSAN SOALAN PENILAIAN KEFAHAMAN

#### 4.1 Soalan Umum Penilaian Kefahaman

- a. **Soalan Umum** adalah set soalan yang dijadikan sebagai **panduan** dan persediaan calon dalam menjawab Soalan Sebenar Penilaian Kefahaman di akhir sesi PTM.
- b. Satu set **Soalan Umum** Penilaian Kefahaman mengandungi **50 soalan** (tanpa jawapan) yang **diedarkan kepada calon-calon** pada **hari pertama** sesi PTM dilaksanakan.
- c. **Soalan Umum** merangkumi ketiga-tiga segmen PTM. Sebanyak 20 soalan daripada aspek **Soalan Umum** ini akan dijawab oleh calon semasa penilaian kefahaman di akhir sesi PTM.

#### 4.2 Soalan Sebenar Penilaian Kefahaman

- a. **Soalan Sebenar** Penilaian Kefahaman adalah set soalan yang telah lengkap dan digunakan sebagai soalan penilaian kefahaman di akhir sesi PTM.
- b. Satu (1) set Soalan Sebenar Penilaian Kefahaman mengandungi **20 soalan** berbentuk aneka pilihan yang mempunyai empat (4) pilihan jawapan dan perlu dijawab dalam tempoh **30 minit**.

- c. Agensi pelaksana akan dibekalkan dengan **tiga (3) set buku Soalan Sebenar** Penilaian Kefahaman.
- d. Set-set soalan yang dibekalkan boleh digunakan secara pusingan mengikut budi bicara agensi pelaksana.

#### 4.3 Soalan Bank Penilaian Kefahaman (Digunakan Bila Perlu)

- a. **Soalan Bank** Penilaian Kefahaman merupakan set soalan yang telah disediakan sebagai sumber soalan yang boleh dipilih oleh agensi pelaksana untuk dijadikan **Soalan Sebenar** Penilaian Kefahaman PTM **sekiranya** agensi pelaksana memerlukan **set soalan tambahan**.
- b. **Soalan Bank** Penilaian Kefahaman adalah berbentuk **aneka pilihan** yang lengkap dengan pilihan jawapan berserta jawapan yang betul.
- c. Soalan bank mengandungi **60 soalan** mengikut agihan seperti berikut:

| SEGMENT       | JUMLAH SOALAN BANK |
|---------------|--------------------|
| I             | 24                 |
| II            | 21                 |
| III           | 15                 |
| <b>Jumlah</b> | <b>60</b>          |

- d. Agensi pelaksana boleh menyediakan set soalan tambahan yang baharu berdasarkan kepada **Soalan Bank** Penilaian Kefahaman yang dibekalkan.
- e. Setiap set soalan tambahan hendaklah mengandungi 20 soalan daripada ketiga-tiga segmen dengan setiap segmen mengandungi bilangan soalan seperti berikut:

| SEGMENT       | BILANGAN SOALAN |
|---------------|-----------------|
| I             | 8               |
| II            | 7               |
| III           | 5               |
| <b>Jumlah</b> | <b>20</b>       |

## 5. PENGURUSAN PENILAIAN KEFAHAMAN PTM

- a. Agensi pelaksana dinasihatkan untuk memperuntukkan tempoh selama 30 minit di akhir sesi PTM bagi tujuan pelaksanaan penilaian kefahaman.
- b. Buku soalan hendaklah **dikembalikan** oleh calon selepas sesi penilaian memandangkan set soalan berkenaan akan digunakan semula pada masa akan datang.
- c. Calon **tidak dibenarkan** untuk membawa sebarang bentuk bahan rujukan termasuk set 50 **Soalan Umum** Penilaian Kefahaman yang dibekalkan semasa sesi penilaian dilaksanakan.
- d. Agensi pelaksana boleh menggunakan budi bicara dalam menetapkan kaedah untuk menanda jawapan oleh calon.
- e. Markah penilaian kefahaman hendaklah diselaraskan mengikut Garis Panduan Penilaian PTM seperti di **Lampiran C**, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 2012.

## 6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai soalan penilaian kefahaman ini boleh dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Cawangan Pengurusan Kompetensi  
Aras 4 - 7, Blok 1  
Menara Seri Wilayah, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 W.P. PUTRAJAYA

No. Telefon : 03-8324 2500/2501  
No. Faks : 03-8324 2504  
E-mel : [ptm@jpa.gov.my](mailto:ptm@jpa.gov.my)